

KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 20 TAHUN 2005

**KADAR CUTI REHAT TAHUNAN
PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan keputusan Kerajaan mengenai kadar baru Cuti Rehat tahunan kepada pegawai Perkhidmatan Awam.

LATAR BELAKANG

2. Kemudahan Cuti Rehat disediakan kepada pegawai Perkhidmatan Awam bagi tujuan kecekapan dan kepentingan pegawai. Kelayakan Cuti Rehat tahunan bagi seseorang pegawai adalah tertakluk kepada perkhidmatan yang melayakkan.

PELAKSANAAN

3. Kadar baru Cuti Rehat tahunan bagi pegawai Perkhidmatan Awam (kecuali Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia dan Pasukan Polis Diraja Malaysia) yang dilantik mulai 1 September 2005 adalah seperti dalam **Jadual 1** di bawah:

Jadual 1 : Kadar Cuti Rehat Tahunan Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam

GRED	KADAR	
	Kurang 10 tahun perkhidmatan	Genap 10 tahun perkhidmatan dan lebih
Pengurusan Tertinggi	30 hari	30 hari
Gred 31-54	30 hari	30 hari
Gred 21-30	25 hari	30 hari
Gred 1-20	20 hari	25 hari


TARIKH KUATKUASA

4. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai 1 September 2005.

PEMAKAIAN

5. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


(DATO' ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

29 Ogos 2005

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y. B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan